

LATIHAN TATABAHASA

Analisis kesalahan kata dan frasa yang terdapat dalam poster di bawah. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.

Tip & Nasihat

Persediaan Sebelum Banjir

1. Selenggara parit / longkang / saluran air supaya tidak tersumbat.
2. Simpan nombor-nombor perhubungan penting seperti nombor ahli keluarga, jiran, balai polis, dan bomba untuk kegunaan semasa kecemasan.
3. Peka pada keadaan sekeliling, bunyi / isyarat-isyarat amaran, serta kenalpasti laluan tinggi dan selamat untuk ke pusat pemindahan.
4. Bersiap sedia untuk berpindah sekiranya pihak berkuasa arahan.
5. Dapatkan maklumat terkini cuaca dan situasi banjir melalui saluran radio, televisyen, dan Internet.
6. Simpan semua dokumen penting di dalam bekas / beg / fail di tempat yang tinggi dan mudah diambil sekiranya perlu berpindah ke pusat pemindahan.
7. Sediakan barang keperluan asas yang paling penting seperti susu anak, ubat-ubatan, lampu suluh, beg pakaian, dan peralatan lain sebelum diarahkan untuk berpindah.
8. Simpan barang berharga di tempat tinggi yang tidak ditenggelami air sekiranya berlaku banjir.
9. Simpan air bersih di dalam botol untuk kegunaan memasak dan sebagai air minuman.
10. Simpan / ikat dengan ketat barang-barang yang diletakkan di luar rumah seperti perabut taman, basikal, tong sampah, dan sebagainya untuk mengelakkan dihanyutkan banjir.



Langkah-langkah yang patut diambil selepas BANJIR

- Bersihkan kawasan rumah anda:
 - Semasa kerja-kerja pembersihan, pakai alat pelindung diri seperti burlap getah dan sarung tangan.
 - Selepas kerja-kerja pembersihan, bersihkan diri dengan sempurna.
- Bersihkan semua peralatan rumah dan pakaian yang dicemari air banjir dengan air bersih dan bahan pencuci.
- Lupuskan sampah dan bangkai binatang dengan cara yang betul.
- Hapuskan lipas, lalat, tikus, dan nyamuk.
- Dapatkan rawatan dengan segera jika sekiranya anda mengalami demam, cirit-birit, muntah, dan lain-lain.





Kesalahan Kata dan Frasa	Pembetulan
peka pada keadaan	
kenalpasti	
untuk ke	
Pihak berkuasa arahan	
terkini cuaca	
perabut taman	
mengelakkan dihanyutkan	
dalam	
semua peralatan	
jika sekiranya	

C Kenal pasti dan analisis kesalahan kata dan frasa.



Lindungi diri anda akan memakai topi keledar yang SIRIM sahkan.



D Analisis kesalahan kata dan frasa yang terdapat dalam petikan yang diberikan.

KUALA LUMPUR, 20 Jun – Penunggang dan pembonceng motosikal dinasihat memakai topi keledar dan mengikut piawaian yang ditetapkan ketika beroda di jalanraya.

Pengarah Jabatan keselamatan Jalan Raya (JKJR) negeri Selangor berkata, ini bagi memastikan mereka selamat dari kecederaan terutama melibatkan bahagian kepala.

“Golongan ini merupakan golongan paling berisiko sekali terlibat kemalangan dan banyak kes-kes kematian melibatkan mereka,” katanya ketika menghadiri kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung Sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran Grand Saga di Plaza Tol Batu 11 di sini hari ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Online)

(a) Kesalahan	(b) Pembetulan
(i)	(i)
(ii)	(ii)
(iii)	(iii)
(iv)	(iv)
(v)	(v)